

CASTOR INTERNATIONAL

"the International Group Shares Ownership Plan" bagi kumpulan VINCI

Pesanan langganan

pada "Employee Offering 2015"

Sila kembalikan kepada Jabatan Sumber Manusia
selewat-lewatnya 22 Mei, 2015

Saya, yang bertandatangan di bawah,

Encik

Puan



Nama keluarga		Nama pertama	
Tarikh lahir	_____	Kewarganegaraan	_____
Majikan			
Alamat peribadi			
Poskod		Bandar	Negara
E-mail			

► **Memperakui seperti berikut:**

- Saya telah membaca dan memahami dokumen-dokumen penawaran yang disediakan kepada saya, dan khususnya, Brosur Maklumat dan Dokumen Tambahan Tempatan serta Dokumen Maklumat Pelabur Utama bagi FCPE CASTOR INTERNATIONAL RELAIS 2015 dan FCPE CASTOR INTERNATIONAL (disediakan atas permintaan dari majikan anda di www.vinci.net);
- Saya telah dimaklumkan tentang harga langganan,
- Saya bersetuju untuk terikat oleh representasi dan akuanji yang dibentangkan di muka surat belakang pesanan langganan ini.

► **Saya selanjutnya memperakui bahawa, pada tarikh pesanan langganan ini, saya adalah seorang pekerja syarikat kumpulan VINCI dan saya memenuhi syarat bekerja dengan kumpulan VINCI selama sekurang-kurangnya enam bulan sepanjang tempoh dua belas bulan yang lalu.**

**Saya memilih untuk melabur dalam penawaran ini sebanyak
(mestilah bersamaan dengan atau melebihi mata wang tempatan
yang bersamaan dengan harga langganan satu saham VINCI):**

_____ RM

Saya memilih untuk membayar jumlah yang dinyatakan di atas (tandakan satu kotak sahaja):

- melalui cek dalam nama majikan saya yang saya lampirkan pada pesanan langganan ini;
 melalui pindahan kawat kepada akaun, yang butir-butirnya akan diberikan kepada saya oleh majikan saya dalam tempoh langganan, atau diberikan dalam tempoh tersebut oleh Jabatan Sumber Manusia saya*;

*Untuk peringatan bagi memastikan langganan anda sah, pembayaran hendaklah dibuat sebelum atau pada 22 Mei 2015.

► **Saya telah mengambil maklum dengan sewajarnya bahawa:**

- langganan bagi penawaran ini dikawal oleh peruntukan "International Group Share Ownership Plan" bagi kumpulan VINCI dan pesanan langganan ini;
- jumlah langganan saya hendaklah dibayar ke dalam kenaikan modal yang dikhaskan buat pekerja entiti kumpulan VINCI di luar Perancis. Jumlah ini akan terlebih dahulu dilabur dalam FCPE CASTOR INTERNATIONAL RELAIS 2015 dan, setelah percantuman, pelaburan saya akan dipegang dalam FCPE CASTOR INTERNATIONAL, tertakluk kepada keputusan Lembaga Penyeliaan FCPE dan kelulusan AMF, Pihak Berkusa Sekuriti Perancis;
- pembayaran sumbangan peribadi saya, yang dibuat, bersama-sama dengan pesanan langganan ini, hendaklah diserahkan kepada Jabatan Sumber Manusia pada bila-bila masa dalam tempoh langganan (iaitu antara 4 Mei, 2015 dan 22 Mei, 2015, termasuk kedua-dua tarikh tersebut). Walau bagaimanapun, pembayaran sumbangan peribadi saya dan penyerahan pesanan langganan ini hendaklah dianggap diterima oleh VINCI pada hari terakhir tempoh langganan (iaitu, 22 Mei, 2015) tidak kira tarikh sebenar pembayaran sumbangan peribadi saya, yang walaupun bagaimanapun dibuat, bersama-sama dengan pesanan langganan ini, dibuat / diserahkan kepada Jabatan Sumber Manusia saya.

► **Sebarang pesanan langganan, jika tidak diisi dengan lengkap atau silap, boleh ditolak. Pihak, VINCI boleh menganggap pesanan langganan saya tidak sah jika tidak disertakan bersama bayaran harga langganan yang dinyatakan di atas.**

Saya telah membuat sesalinan pesanan langganan ini sebagai rujukan dan simpanan saya.

Tempat _____ Tarikh _____

Tandatangan (sila tulis « Dibaca dan diluluskan »)

REPRESENTASI DAN AKUJANJI

- Saya mengambil maklum bahawa dengan melanggar kenaikan modal ini, saya menjadi peserta dalam "International Group Share Ownership Plan" kumpulan VINCI.
- Saya mengambil maklum bahawa harga langganan satu saham VINCI yang telah dimaklumkan kepada saya adalah bersamaan dengan purata harga pembukaan saham VINCI sepanjang dua puluh hari dagangan sebelum permulaan tempoh langganan.
- Saya memahami bahawa walaupun saya akan membuat pembayaran untuk pelaburan saya dalam Ringgit Malaysia ("RM"), langganan saham VINCI dibuat dalam Euro. Oleh itu, jumlah pelaburan saya akan ditukar kepada Euro pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh VINCI pada tarikh penetapan harga (iaitu 30 April 2015). Adalah dijangka bahawa VINCI akan menggunakan kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh penetapan harga. Sepanjang hayat pelaburan saya, nilai aset saya akan terjejas oleh turun naik kadar pertukaran mata wang antara Euro dan Ringgit Malaysia. Oleh itu, jika nilai Euro lebih kukuh berbanding dengan Ringgit Malaysia, nilai aset saya yang dinyatakan dalam Ringgit Malaysia akan meningkat. Sebaliknya, jika nilai Euro makin lemah berbanding dengan Ringgit Malaysia, nilai aset yang dinyatakan dalam Ringgit Malaysia akan menurun.
- Saya mengambil maklum bahawa, kecuali berlakunya pelepasan awal (yang diterangkan dalam Brosur Maklumat) pelaburan saya akan disekat bagi tempoh 3 tahun.
- VINCI akan menyediakan, apabila diminta, peraturan "International Group Share Ownership Plan" kumpulan VINCI dan FCPEs yang dirujuk di bahagian hadapan pesanan langganan ini. Saya memperakui bahawa saya mempunyai akses kepada *document de référence* VINCI (laporan tahunan) dan laporan kewangan lain yang mengandungi maklumat penting tentang aktiviti, strategi, pengurusan dan keputusan kewangan VINCI.
- Saya sedia maklum berkenaan dengan cukai yang bakal dikenakan daripada penyertaan saya dalam "International Group Share Ownership Plan" dan akan bertanggungjawab sepenuhnya. Saya mengakui bahawa saya hendaklah membayar balik kepada majikan saya sebarang jumlah yang perlu didahulukannya bagi pihak saya bagi caj cukai atau sosial yang dikenakan terhadap saya. Majikan saya boleh, tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa, memotong jumlah tersebut daripada gaji saya atau membayar sebarang jumlah lain yang kena dibayar kepada saya dan/atau boleh memerintahkan penjualan semua atau sebahagian daripada unit atau saham FCPE saya dan menahannya daripada hasilnya.
- Keputusan saya sama ada untuk menyertai penawaran ini atau tidak adalah benar-benar sukarela dan peribadi. Keputusan saya tidak akan menjelaskan, sama ada dalam cara positif atau negatif, pekerjaan saya dalam kumpulan VINCI. Penyertaan dalam penawaran ini adalah berasingan daripada dan tidak membentuk sebahagian daripada perjanjian pekerjaan saya dan tidak memberikan sebarang hak kepada saya berkaitan dengan pekerjaan saya atau manfaat atau hak selepas itu, termasuk sewaktu penamatian pekerjaan.
- Saya juga mengambil maklum bahawa kedua-dua dokumen ini mahupun sebarang bahan yang diedarkan atau diberikan kepada saya berhubung dengan penawaran ini atau "International Group Share Ownership Plan" tidak akan memberikan sebarang hak kepada saya berkaitan dengan penawaran masa hadapan.
- Pelaburan saya dalam kenaikan modal akan diperlengkapkan oleh pemberian saham tanpa balasan oleh VINCI. Butir-butirnya diterangkan dalam Brosur Maklumat.
- Saya memperakui bahawa pembayaran saya kepada "International Group Share Ownership Plan" yang dibuat pada tahun 2015 tidak akan melebihi 25% daripada pampasan tahunan kasar saya.
- Jika jumlah permintaan langganan keseluruhan melebihi bilangan saham yang tersedia untuk penawaran, langganan saya untuk kenaikan modal akan dikurangkan. Saya bersetuju untuk mengurangkan jumlah langganan saya dengan sewajarnya. Jumlah yang dikurangkan akan dikira seperti berikut:
 - (i) Ambang individu akan dikira bersamaan dengan permintaan langganan purata berdasarkan jumlah permintaan langganan keseluruhan. Permintaan langganan akan dipenuhi sepenuhnya sehingga ambang ini.
 - (ii) Kemudian, jumlah saham yang tinggal akan ditentukan dan nisbah pengurangan akan dikira yang akan dikenakan terhadap baki permintaan langganan individu.

Jumlah yang bersamaan dengan permintaan langganan yang tidak dapat dipenuhi akan dibayar balik kepada saya sehingga pembayaran sukarela saya atau jumlah yang akan ditahan akan dikurangkan dengan sewajarnya. Pembayaran akan dibuat menurut terma-terma yang diperuntukkan pada peringkat tempatan.

-  **Saya sedia maklum bahawa jika saya gagal membayar atau tidak membayar jumlah pelaburan saya tepat pada masanya, pesanan langganan ini boleh dibatalkan tanpa notis. Bagi keingaran untuk membayar, majikan saya boleh menebus atau telah menebus, tanpa sebarang notis terdahulu pun jua, semua unit dan/atau saham FCPE saya dan memperuntukkan hasilnya untuk membayar jumlah langganan saya. Jika hasil penjualan tidak cukup untuk menampung jumlah yang dinyatakan di atas, saya akan terus bertanggungjawab kepada majikan saya bagi jumlah yang sepadan. Selanjutnya, majikan saya merizab hak untuk memfailkan tuntutan terhadap saya bagi pembayaran jumlah yang belum dibayar.**

Pesanan langganan ini adalah tertakluk kepada peruntukan Undang-undang Perancis n°78-17 bertarikh 6 Januari, 1978 mengenai pemprosesan data, fail data dan kebebasan individu. Saya telah membaca dan memahami notis privasi yang dibentangkan dalam dokumen tambahan tempatan. Saya telah dimaklumkan bahawa maklumat yang terkandung dalam pesanan langganan ini akan digunakan dalam konteks pemprosesan data komputer oleh VINCI. Saya mengambil maklum bahawa maklumat yang diberikan dalam pesanan langganan ini hanya boleh digunakan untuk mengurus "International Group Share Ownership Plan" dan untuk memenuhi keperluan undang-undang. Data ini boleh dihantar kepada mana-mana orang yang terlibat dalam pentadbiran "International Group Share Ownership Plan". Khususnya, saya membenarkan pemindahan maklumat peribadi saya kepada orang-orang ini di Perancis. Data ini disimpan bagi suatu tempoh masa yang perlu untuk memproses langganan saham VINCI dan semua urus niaga berbangkit daripadanya serta bagi pengurusan aset yang dipegang dalam "International Group Share Ownership Plan". Saya boleh melaksanakan hak saya untuk mengakses dan membetulkan data peribadi saya dengan menghubungi jabatan Sumber Manusia majikan saya.

- Saya memahami bahawa tawaran ini tidak terbuka kepada "Orang-orang A.S." dan saya dengan ini memperakui dengan sewajarnya bahawa saya bukan pemastautin Amerika Syarikat. Saya memahami bahawa maklumat lanjut tentang sekatan ini tersedia dalam peraturan FCPE dan di laman web syarikat pengurusan: www.amundi.com.